

## SkillsMalaysia Journal

# Pendidikan, Latihan Teknikal Dan Vokasional (PLTV) Mampan: Satu Sorotan Falsafah Pendidikan Melahirkan Modal Insan Holistik

Zulkifli Mohd Sidi<sup>1</sup>, Mohd Nor Mamat<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Center for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST), Shah Alam, Selangor

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam

### Abstrak

Perkembangan bidang latihan kemahiran negara *sinonim* dengan sektor Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) negara. Sejarah kecemerlangan Islam dengan ilmunan dan pakar-pakar pelbagai bidang bermula dari nilai kerohanian yang tinggi. Kemampuan nilai tersebut mempunyai kaitan dengan faktor pensejarahan yang memberi impak terhadap kelestarian dalam sistem pendidikan dan latihan sehingga sekarang. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) berteraskan kepada persoalan-persoalan mengenai ketuhanan, insan dan alam telah mengarah kepada keberhasilan manusia yang bersifat *holistik*. Pensejarahan dalam perspektif Islam berjaya melestarikan bidang kemahiran dan kepakarannya kepada dunia. Hubungan di antara perintis kecemerlangan era para *Anbiya'* sehingga ke era khalifah dan berterusan menjajari ke Andalusia, akhirnya membawa ke Tanah Melayu. Sebuah *metafora* berkaitan kerohanian yang tinggi membawa kejayaan dalam kehidupan dunia dan akhirat. Sisipan nilai *aqidah*, akhlak dan *syarak* adalah asas kepada segala urusan pendidikan ilmu dan latihan. Tinjauan secara keperpustakaan mendapati sifat pendidikan yang berjaya adalah menghadirkan nilai kerohanian yang Islami, ketiadaannya dianggap kosong dan dimonopoli oleh sifat *mental* dan *material* tanpa nilai terbitan kerohanian. Pengamalan dan praktis latihan kemahiran dan vokasional berkonsepkan ilmu, iman dan amal bertepatan dengan kehendak FPK yang diterjemahkan sebagai sesuatu yang *holistik*.

**Kata kunci :** falsafah pendidikan, latihan kemahiran & vokasional, iman & amal, modal insan, holistik

### Pengenalan

Perbincangan kertas konsep ini dimulai dengan membawa faktor *signifikan* bagi satu elemen *stimulasi* pembangunan modal insan negara iaitu *Falsafah Pendidikan Islam (FPI)* yang menjadi agenda dalam *'Konferen Pertama Pendidikan Islam Sedunia'* tahun 1977 di Mekah. Falsafah dalam Islam merujuk kepada satu hikmah dan kebijaksanaan dalam pemikiran aras tinggi, bertujuan mengali kebenaran hakikat sesuatu ilmu. Di mana elemen-elemennya merangkumi ruang lingkup persoalan berkaitan *'ketuhanan'*, *'insan'* dan *'alam kehidupan'*, dengan maksud jika tanpa pemikiran falsafah apa juga bentuk kemajuan dan pemikiran *futuristik* dalam pendidikan tidak akan tercapai seperti dikehendaki (al-Attas, SMN, 1980; Darulsalam, G, 2001; Suhid, A & Fakhruddin, FM, 2012). Matlamat FPI (al-Syaibani, OMa-T, 1991; Yasin, RFF & Jani, MS, 2013) dinyatakan adalah seperti berikut,

*"... is to produce a good man. It aims at the "balanced growth of the total personality of man through the training of man's spirit, intellect, the rational self, feelings and bodily senses." It caters for the growth in all aspects including spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively, and incorporate all these aspects in a holistic system of education towards goodness and the attainment of perfection. The ultimate aim lies in the realisation of complete submission to Allah as the Creator, on the level of individual, community and humanity at large"*

*FPI* telah memberi kesan kepada pembentukan *Falsafah Pendidikan Negara (FPN)* pada tahun 1988 yang digubal menjadi *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)* bertujuan memenuhi keperluan semasa pada tahun 1996 (Yieng, YL & Hamzah, R, 2012; Ismail, S, 2015). *FPK* menjadi *platform* ke arah pembentukan sistem pendidikan yang seimbang, harmoni dan menyeluruh. Menurut Baba, S (2006), Daud, WMNW (2014) dan Ismail, S (2015) falsafah ini menjadi asas dan sumber *inspirasi* kepada semua kerangka kearah pembangunan pendidikan dilengkapi beberapa unsur penting yang perlu difahami oleh setiap ahli masyarakat sama ada warga cendekiawan, ilmuwan, agamawan, para pelajar, mahupun sesiapa sahaja rakyat Malaysia.

*FPK* adalah sebuah hikmah kepada usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan *potensi* individu secara menyeluruh dan bersepadu dengan hasrat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi *intelektual*, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan menerusi sistem pendidikan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, *berkompeten*, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (KPM, 2001).

### Tujuan Kajian

Kertas konseptual ini bertujuan untuk meninjau dan membincangkan secara keperustakaan mengenai kejayaan individu-individu di pelbagai bidang dalam usaha melestarian sistem pendidikan dan latihan, khusus kepada sektor PLTV. Skop tinjauan menumpukan kepada pensejarahan dalam perspektif Islamik dan seterusnya mengarusperdanakannya sebagai salah satu laluan utama sistem pendidikan dan latihan di peringkat nasional.

### Pendidikan & Latihan Kemahiran Nasional Holistik

Keupayaan *FPK* bukan hanya sekadar memenuhi sektor-sektor pendidikan terpilih sahaja, tetapi secara langsung menyentuh keseluruhan sistem pendidikan dan latihan negara. Sistem pendidikan dan latihan terdiri daripada dua peringkat pendidikan utama iaitu 'persekolahan' (iaitu *prasekolah dan persekolahan rendah/menengah*) atau lazimnya dipanggil dengan nama pendidikan 'arus perdana' (KPM, 2013; Rahman, MNA, 2014) manakala peringkat keduanya adalah pendidikan lepasan persekolahan atau peringkat 'pendidikan *tertiari*' yang dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu '*Kemahiran*', '*Vokasional dan Teknikal*' dan '*Pengajian Tinggi*' (MQA, 2011; Minghat, AD *et al.*, 2013; Azman, MNA & Mustapha, R, 2014). Negara menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (AKM) menyatakan dengan jelas di dalam *deskripsi* klasifikasi Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dan merupakan *instrumen* laluan '*pendidikan tertiar*' peringkat nasional dengan tahap-tahap kelayakan mengikut bidang berkaitan (MQA, 2011).

Pendidikan 'arus perdana' dan 'pendidikan *tertiari*' adalah sistem pembangunan modal insan bermatlamatkan menyediakan pendidikan dan latihan yang memfokuskan '*Education for All*' oleh badan dunia UNESCO (2014). Manakala penekanan kepada pengamal sektor PLTV adalah kepada suatu perubahan iaitu '*Transforming TVET: Building Skills for Work and Life*' (UNESCO, 2013). Perubahan *dinamik* di dalam sistem pendidikan dan latihan dunia memberi kesan yang *signifikan* bukan sahaja di peringkat antarabangsa tetapi juga dalam negara. Justeru sistem pendidikan negara wajar menjajar (*align*) semula pendekatan dan metodologi dalam sistem penyampaian selaras dengan keupayaan menyaini dunia globalisasi. Bagaimana pun negara telah bersedia awal lagi dengan strategi bagi menangani isu-isu dan cabaran ini seperti 'Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)' (KPM, 2015) dan 'Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)' di bawah *Kertas Strategi 9: Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) untuk Memenuhi Permintaan Industri* (UPE, 2015a).

Namun begitu, sesuatu yang kadang-kala dilupai adalah menelusuri ke dalam sektor PLTV dari sudut pandang *syumul* iaitu *al-Quran* dan *al-Hadith* yang mempunyai sifat *autentik* dan *realibiliti* paling tinggi memenuhi ilmu *naqliyah* dan *aqliyah* (Athailah, SAI, 1999; Sabiq, S, 2013). Persoalan ilmu ('*ilm*') juga timbul apabila pihak *orientalis* Barat memberi terjemahan yang kabur dan sempit kepada istilah ilmu serta memisahkan alam kehidupan dengan konsep beragama (ketuhanan). Kecenderungan ini disifatkan sebagai berideologi *sekularisme* yang mengakibatkan berlaku kezaliman dan ketidakadilan kepada kehidupan manusia dan alam (al-Attas, SMN, 1978).

## Pendidikan Dan Latihan Kemahiran Dari Perspektif Islam

Menurut Basir, SA (2004), pendidikan dan latihan adalah *prasyarat* utama mengembangkan ilmu pengetahuan serta kemahiran kerja ke arah membangunkan *sosio-ekonomi* sesebuah negara. Manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. (*Surah al-Baqarah, Ayat 30*) yang dianugerahkan akal dan ilmu memerlukan pendidikan yang berterusan agar segala *potensi* dibangunkan dan seterusnya diterjemahkan dalam bentuk pengamalan bagi manfaat kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan di dunia dan akhirat (Langgulung, H, 2001). Menuntut ilmu juga adalah *fardhu-ain* dan kewajiban ke atas setiap Muslim (Riwayat Ibn-Majah). Menurut Al-Ghazali (1990) “*ilmu yang tidak diamalkan adalah gila dan amalan tanpa ilmu adalah suatu amalan yang tidak akan berlaku dan sia-sia*”. Manakala Allah s.w.t. tidak suka kepada orang yang berilmu dan tidak mengamalkan ilmunya (*Surah Ash-Shaf, Ayat 2 – 3*). Istilah ilmu bergandingan dengan amal juga banyak dicatatkan al-Quran seperti *Surah Ar-Ra’d Ayat 29; Surah Ibrahim Ayat 23; Surah al-Kahfi Ayat 30, 88 & 107; Surah Maryam Ayat 96; dan Surah al-Hajj Ayat 14 & 50*. Begitu juga hadis Rasulullah s.a.w. di Riwayat oleh *Ath-Thabrani* menekankan perkara sama di dalam gandingan ilmu dan amal ini seperti maksud “*Allah tidak menerima iman tanpa amal perbuatan dan tidak pula menerima amal perbuatan tanpa iman*”. Manakala al-Syaibani, OMa-T (1991), Langgulung, H (2001) dan Sabiq, S (2013) menegaskan bahawa ilmu itu diumpamakan sebagai *iman* kerana dipelajari secara *teoritikal*, manakala amal atau ibadah adalah kerja yang dizahirkan dari didikan *iman* secara fizikal. Oleh itu, ilmu yang diamalkan atau dizahirkan secara fizikal juga menjadi *instrumen* penggilap dan pengukuran kebolehan seseorang individu mengenai ilmu di pelajari (Kasan, H, 2008). Akhirnya, kebolehan ilmu yang diamalkan menghasilkan kecekapan dan keupayaan melahirkan pekerja yang berkemahiran.

## Perpektif Kemahiran, Kecekapan Pekerjaan

Istilah kemahiran dalam pekerjaan begitu *sinonim* dengan kebolehan dan kemampuan individu menjalankan tugas dengan cekap. Kamus Dewan (2007) mencatat bahawa kemahiran itu adalah suatu ‘kecekapan’ atau ‘kepandaian’ seseorang dalam melakukan kerja. Ketekunan di dalam kerja menjamin kecekapan dalam menghasilkan produk yang baik dan bermutu. Kelangsungan itu, Islam menyeru umatnya supaya melakukan kerja dengan tekun dan sentiasa memperbaiki kualiti kerja, *al-Baihaqi* meriwayatkan hadis dengan maksud “*Sesungguhnya Allah s.w.t. amat mangasahi hambanya yang apabila melakukan sesuatu pekerjaan, dilakukan dengan tekun dan sebaiknya*”; dan juga hadis bermaksud “*Sesungguhnya Allah Taala mengasahi hambaNya yang beriman dan berusaha/bekerja*” (Imam Ahmad) dan “*... apabila bekerja, dia sentiasa memperbaiki mutu kerjanya*” (Riwayat al-Baihaqi). Menurut Ibn-Khaldun (2001) bagi menghasilkan kecekapan yang tinggi seseorang harus melaksanakan kerja dengan tekun, apabila dipraktis dan dilatih kerja tersebut pula akan memahirkan dan menjadi ahli dalam pekerjaan berkaitan. Dari segi bahasa, Kamus Dewan (2007) mengistilahkan ‘*ahli*’ merujuk kepada “*seseorang yang memiliki kemahiran atau mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang*”.

Seseorang yang ‘*ahli*’ adalah yang berkompeter mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pekerjaan serta dapat mencari *solusi* ke atas sesuatu permasalahan. Seseorang yang ahli dalam ilmu dan pekerjaannya mempunyai tanggung jawab yang besar ke atas tindakannya. Rasulullah s.a.w. telah memberi amaran kepada sesiapa yang menyerahkan kerja kepada yang tidak berkemahiran, tidak berilmu dan bukan ahli. Seperti maksud hadis “*Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu*” (Riwayat al-Bukhori).

Justeru itu, pembangunan tenaga kerja mahir menerusi sistem pendidikan dan latihan kemahiran adalah saluran membentuk kejayaan *potensi* manusia ke alam pekerjaan. Kejayaan membangun tenaga kerja yang mahir bukan hanya menumpu kepada aspek fizikalnya sahaja. Malah gandingan bersama aspek kognitif (akal) juga belum lagi cukup dan tidak akan berjaya melahirkan insan yang *holistik* jikalau ketiadaan sisipan nilai-nilai *spiritual* (kerohanian). Apabila tiada nilai kerohanian yang bercirikan agama, maka sistem pendidikan akan terarah kepada *ideologi* sempit *sekularisme* (al-Attas, SMN, 1978,2001). Sejarah Islam telah menyedarkan kita bahawa ilmu, kemahiran dan teknologi tinggi harus diseimbangkan dengan nilai-nilai kerohanian seperti *aqidah, syarak, akhlak* dan adab. Sebagai contoh tamadun dan teknologi berkemahiran tinggi kaum ‘*Ad, Thamud* dan Kerajaan *Saba*’ (Noor, AiM, 2011) dan Kerajaan *Firaun* (*Surah al-Fajr, Ayat 6 – 10*) berbangga dengan binaan-binaan kuat, teguh dan mengagumkan seperti Empangan *Ma’arib, Piramid* telah runtuh tamadun mereka kerana mengabaikan nilai-nilai kerohanian tersebut (Muammar, K, 2009).

### Model Keberhasilan Pendidikan Ilmu dan Amal

Pendidikan dalam Islam dijalankan menerusi tiga istilah iaitu *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib* (Tamuri, AH & Ajuhary, MKA, 2010). Pendidikan pertama dalam Islam adalah apabila Allah s.w.t. menurunkan Wahyu (ilmu) menerusi proses *ta'lim* kepada Nabi Adam a.s. menyebut nama-nama segala jenis benda (*Surah al-Baqarah, Ayat 31*). Begitu juga apabila Malaikat Jibrail berkali-kali menyuruh Nabi Muhammad s.a.w. 'membaca' (*Surah al-Alaq, Ayat 1 – 5*) menerusi proses *ta'dib* (Stapa, Z *et al.*, 2012) dari tidak tahu membaca sehingga berjaya membaca dengan baik (*Ibn-Katsir*). Seperti mana juga pendidikan yang diriwayatkan oleh *Muslim r.a.* daripada *Umar Ibn Khatab r.a.*, apabila Rasulullah s.a.w. didatangi Jibrail di dalam kuliah Baginda bersama-sama sahabat-sahabat dan meminta untuk menjawab persoalan mengenai *Islam, Iman, Ihsan, Qiamat* dan tanda-tandanya (Al-Utsaimin, SMBS, 2012). Kesemuanya merupakan contoh-contoh dalam proses pendidikan di antara pendidik dan pelajarinya untuk memahami sesuatu ilmu tanpa meninggalkan aspek kerohanian.

Manakala dalam konteks kemahiran dan vokasional, kepakaran bidang pembuatan iaitu *fabrikasi* logam Nabi Daud a.s. adalah pelopor dalam menghasilkan produk baju besi. Nabi Daud a.s. menerima kemahiran tersebut menerusi proses bimbingan (Wahyu) oleh Allah s.w.t. (*Surah Saba', Ayat 10 – 11*). *Qatadah* pula menyifatkan Nabi Daud a.s. adalah orang pertama menempa, membuat dan menggunakan baju besi. Seterusnya dalam proses peleburan logam pula, kemahiran mencairkan kepingan logam besi telah dirintis oleh Iskandar Dzulkarnain (545 SM/Abad ke-6) menggunakan api di dalam usaha mendirikan sebuah tembok bangunan bagi menutup celah antara dua bukit dan kemudiannya menuangkannya tembaga yang dicairkan ke atas (*Ibn Katsir*) struktur bangunan tersebut bertujuan memberi keteguhan strukturnya (*Surah Al-Kahfi, Ayat 96*).

Kemahiran dalam industri perkayuan pula dimulai oleh Nabi Nuh a.s. mahir membina kapal berskala besar menerusi Wahyu (*Surah Hud, Ayat 37*). Baginda memperolehi kemahiran seperti kaedah-kaedah pengukuran, memilih kayu-kayu, memotong, menyusun dan seumpamanya (*Ibn Katsir*). Banyak lagi *ibrah* di perolehi dalam bidang-bidang kemahiran lain yang dipelopori Nabi dan Rasul seperti Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. dengan kemahiran membina bangunan meninggikan asas *Kaabah* (*Surah al-Baqarah, Ayat 127*) yang kekal sehingga sekarang dan juga kemahiran membaik pulih semula *Kaabah* oleh Rasulullah s.a.w. bersama penduduk Mekah menggunakan kayu kayan dan batu batan setelah runtuh dilanda banjir besar (Daud, M, 1992).

### Kelestarian Kemahiran Ilmu dan Amal, Suatu Penelusuran Sejarah

Ditinjau dari Zaman Rasulullah s.a.w. (570 – 632 M), Baginda memiliki kemahiran mendirikan *Masjid Quba, Masjid Nabawi* (bersama-sama *Kaum Muhajirin* dan *Ansar*), membina rumah, menggali parit dan kubu (Perang Khandak) (Daud, WMNW, 1990; Daud, M, 1992). Menurut Daud, M (1992) kecemerlangan kemahiran dalam seni ukiran kubah, *mihrab* dan *mimbar* memperlihatkan tenaga kerja mahir dalam seni ukir bangunan diteruskan sehingga ke zaman *Khulafa al-Rasyidin* (632 – 661 M). Kemahiran seni khat berlatarkan ayat-ayat suci al-Quran memenuhi mimbar-mimbar masjid. Di kala pemerintahan *Bani Umaiyah* (661 – 750 M) pula, bangunan-bangunan diukir dengan tulisan khat dihiasi di seluruh bangunan bukan sahaja menara-menara masjid tetapi juga istana-istana. Kemahiran seni bina membangunkan kota-kota dan kubu-kubu mempertahankan serangan pihak musuh memperlihatkan kepakaran seni pertukangan orang-orang Islam zaman tersebut.

Di kala zaman pemerintahan *Bani Abbasiyah* (750 – 1258 M), seni ukir dan seni bina Islam berkembang dengan pesatnya selari dengan tumbuh banyaknya kerajaan baru seperti *Kerajaan Saljuk, al-Tahiriah, Alawiyah, Zaidiyah, Idrisiah, Aghlabiah, Fatimiah, Ghaznawiah* dan lain-lain lagi sehingga seni bina dan ukiran Islam telah menular ke seluruh Eropah, Afrika dan Asia (Daud, M, 1992). Zaman Kerajaan *Bani Abbasiyah* juga merupakan zaman kegemilangan *intelektual* Islam dengan ilmuan dan pakar-pakar teknologi berkemahiran seperti *Jabir Ibn Hayyan* (Bapa Kimia), *al-Khawarizmi* (Pakar/Ahli Matematik), *Ibn Sina* (Bapa Perubatan Moden), *Ibn Haitham* (Kemahiran Ilmu Optik Moden) dan lain-lain cendekiawan ilmu beragama Islam. Cetusan dari ilmuan dan cendekiawan *Bani Abbasiyah* telah melahirkan ahli-ahli berkemahiran dan berteknologi semasa pemerintahan *Islam Andalusia (Spanyol)* (711 – 1492 M) seperti *Banu Musa bin Shakir* (mesin roda pengangkut air dan pengisar jagung dan bijirin lain); *al-Muqaddasi* dan *al-Idrisi* (mesin roda pengangkut air Sungai Ahwaz dan Sungai Tagus di Andalusia); dan *al-Himayari* (kincir angin untuk menggiling gula dan tepung) serta *al-Jazari* seorang berkemahiran membina *robot* pertama di dunia. *al-Jazari* juga mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk mesin-mesin mekanikal bagi keperluan semasa (Rahman, SA, 2011; Ismail, MR, 2016). Manakala menurut Daud, WRW (1993) *Al-Biruni* (Ahli Kaji Bumi) pula telah memperihalkan di dalam bukunya kaedah-kaedah menempa besi untuk membuat pedang Damaskus di Pakistan.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pengamalan bidang-bidang kemahiran bermula daripada orang-orang Islam yang mempunyai aqidah, akhlak, *syarak* dan roh tauhid kepada Allah s.w.t.. Tinjauan mendapati dengan aspek *kognitif* (akal) sahaja tidak mampu melahirkan modal insan yang *holistik* jika tiada sisipan nilai *afektif* (kerohanian) ke dalam sistem pendidikan. Kerana menurut al-Attas, SMN (1978) apabila berlaku pemisahan nilai-nilai kerohanian yang berasaskan agama melahirkan sebuah sistem pendidikan yang pincang dan terarah kepada ideologi *sekularisme* yang bercanggah dengan *FPI*.

Ringkasnya, faktor pensejarahan sektor kemahiran dari perspektif Islam telah mengagumkan dunia, keseimbangan nilai-nilai kerohanian amat tinggi dan keseimbangan aspek fizikal, intelektual muslim dan spiritual merupakan acuan tekal di dalam sistem pendidikan dan latihan kemahiran. Oleh itu, ciri-ciri keagamaan adalah perkara yang wajar dirujuk dan diadaptasi untuk merealisasikan integrasi kaedah ilmu dan amal dalam ajaran Islam mencerminkan sesuatu yang holistik dan diterjemahkan ke dalam pendidikan tertier negara sektor PLTV.

### **Penerusan Mampan Pendidikan dan Latihan Kemahiran Negara**

Manfaat pendidikan dan kepakaran Islam berterusan sehingga ke seluruh dunia, menurut Noor, AiM (2011) pendidikan ilmu dan kemahiran berdagang oleh saudagar-saudagar dari negara Arab sedikit sebanyak mempengaruhi semenanjung Tanah Melayu di abad ke 7M. Penerapan nilai berasaskan agama Islam berjaya mendidik ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat di Tanah Melayu. Kedatangan pedagang Arab bukan sahaja menumpukan kepada urusan perdagangan, malah memberi pendidikan agama dan kemahiran secara kepada penduduknya. Pada abad ke-14M kebanyakan penduduk mempunyai pelbagai kepandaian dan kemahiran terutamanya dalam industri *tekstil*; pertanian dan pelayaran (termasuk nelayan); seni bina rumah dan masjid; dan *fabrikasi* logam. Industri logam yang terdiri dari bidang peleburan tembaga (*cooper*) dan perahu besar di Kelantan dan Terengganu; perak (*silver*) di Perak; dan tempaan besi seperti kemahiran menghasilkan senjata-senjata seperti keris, pedang dan meriam. Kemahiran dalam industri besi diistilahkan dengan ‘tukang’ atau ‘*pandai besi*’ kepada ahli dan pakar menghasilkan senjata seperti keris, pedang dan meriam yang dipengaruhi rekabentuk dari tanah Arab (Daud, WRW, 1993).

Bertitik tolak daripada pensejarahan kemahiran pengusaha-pengusaha abad ke-14M, era pendidikan dan latihan kemahiran mula berkembang di Tanah Melayu di abad ke-19M apabila sebuah sekolah kemahiran (*trade school*) disediakan kepada budak-budak lelaki Melayu pada tahun 1897 bertujuan untuk menampung keperluan mekanik ‘juru gegas’ (*fitter*) bagi industri keretapi pada masa tersebut. Namun begitu, asasnya latihan kemahiran mula bertapak di Negeri Selangor dalam tahun 1900, apabila beberapa orang ‘*craftmen*’ tempatan dalam bidang ‘Pengukir-Kayu’ (*wood carver*), ‘Tukang Perak’ (*Silversmith*), ‘Tukang Besi’ (*Blacksmith*) dan ‘Tukang Jahit’ (*Tailor*) telah dilantik untuk mengajar pelajar-pelajar Melayu setempat yang dilaksanakan di pinggir Kuala Lumpur pada waktu tersebut (Leong, PC, 2010).

Seterusnya dalam tahun 1902, konsep latihan kemahiran telah diperkemas dan telah di bawa ke Negeri Perak dengan penambahan beberapa bidang kemahiran seperti sulaman (*embroidery*), tembikar dan pembuatan tikar diperkenalkan. Perkembangan tersebut akhirnya menghasilkan penubuhan sebuah sekolah yang dipanggil ‘*Malayan Art School*’ di bawah naungan Sultan Perak dan telah menggiatkan aktiviti-aktiviti latihan kemahiran kepada masyarakat setempat terutama kaum Melayu beragama Islam pada waktu itu. Kelangsungan keperluan tenaga kerja yang meningkat, membuatkan Kerajaan British di Tanah Melayu pada waktu itu menubuh sebuah Suruhanjaya bagi membantu sektor pendidikan kemahiran dan vokasional dalam memenuhi keperluan tenaga kerja industri persekitaran (Leong, PC, 2010; Hasmori, AA *et al.*, 2011).

Dalam tahun 1906, Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah kawal selia Kerajaan Persekutuan telah membuka sebuah sekolah yang dikenali dengan nama ‘*Treacher Technical School*’ bertujuan melatih pembantu teknikal sebagai tenaga kerja di JKR termasuk juga di industri keretapi sebelum ditutup sementara kerana Perang Dunia Pertama (1914). Seterusnya dalam tahun 1918, latihan diteruskan dengan mengekalkan kaedah pelaksanaannya secara ‘*apprenticeship*’, di mana semua peserta yang telah tamat latihan diserapkan terus sebagai pekerja seperti kerani, juru ukur (*surveyors*) dan *draftsmen* (Leong, PC, 2010; Hasmori, AA *et al.*, 2011).

Kemudiannya kegemilangan sektor kemahiran dan vokasional di Tanah Melayu diteruskan lagi apabila dalam tahun 1919 Kerajaan Persekutuan menubuhkan pula jawatankuasa bagi menilai semula sistem pendidikan dan latihan teknikal dengan berasaskan kepada industri. Pelbagai cadangan daripada jawatankuasa dibentangkan termasuk meningkatkan latihan kemahiran dan teknikal bukan sahaja dalam bidang pembuatan malah turut menyediakan latihan dalam sektor perhutanan dan pertanian bertujuan memenuhi keperluan industri semasa (Leong, PC, 2010; Hasmori, AA *et al.*, 2011). Manakala dalam tahun 1926, industri latihan kemahiran negara telah berkembang lagi dan mengalami proses yang begitu *signifikan* apabila tertubuhnya *Federal Trade School* yang berlokasikan di Kuala Lumpur. Sekolah ini menyediakan kursus-kursus jangka panjang sepenuh berdurasi 3 tahun bagi melatih mekanik, jurugegas, pekerja am mesin dan pelbagai bidang juruteknik kepada agensi JKR. Di samping itu juga latihan dalam bidang perusahaan seperti perlombongan, perladangan dan pensyarikatan diperkembangkan di sekolah ini. (Leong, PC, 2010). Keperluan negara dalam latihan kemahiran terus berkembang apabila tiga buah *trade school* lagi dibina di Ipoh, Pulau Pinang dan Singapura bagi menyediakan para perantisan seperti mekanik, juru-paip, juru-gegas, juru-elektrik dan tukang besi.

Seterusnya sekolah ini telah diserahkan urusan tadbirnya pada tahun 1931 kepada Jabatan Pendidikan dan ditukar namanya kepada *Technical School* bagi melebarkan *mobiliti* tenaga kerja terlatih ke agensi kerajaan yang lain. Perkembangan antara tahun 1900 sehingga 1931 memperlihatkan perkembangan institusi latihan kemahiran dan vokasional di Tanah Melayu. Akhirnya sebuah *Technical School* telah ditingkatkan kepada *Technical College* dalam tahun 1945 dan kemudiannya dinaik taraf menjadi universiti awam iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam tahun 1972 di Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1956 *Laporan Razak* telah dikeluarkan yang pertama kali mempromosikan dasar atau cadangan bagi persiapan menyatukan sistem pendidikan bersistematik di Tanah Melayu dengan membentuk aliran vokasional dan mengekalkan sistem persekolahan umum sedia ada. Cadangan laporan tersebut dihasratkan untuk diguna pakai sebaik sahaja negara mendapat kemerdekaan daripada penjajahan British dalam tahun 1957. Menurut Leong, PC (2010) dan Hasnori, AA *et al.* (2011) laporan tersebut telah mencadangkan latihan kemahiran dan pendidikan teknikal dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *Technical College*, *Technical Institute* dan *Trade School*.

### **Perkembangan Latihan Kemahiran dan Vokasional Pasca Kemerdekaan**

Dalam tahun 1960, satu lagi laporan iaitu *Laporan Rahman Talib* mencadangkan kepada perubahan terhadap sistem persekolahan teknikal dan vokasional, di mana penyatuan aliran vokasional yang diserapkan ke dalam sistem sekolah menengah akademik (Leong, PC, 2010; Hasnori, AA *et al.*, 2011). Manakala dalam tahun 1968 pendidikan sekolah menengah rendah yang dahulunya dikenali dengan nama *Technical (Trade) School* dinaik taraf kepada Sekolah Menengah Vokasional. Di sini bermulanya satu era perubahan pendidikan teknik dan vokasional dalam negara yang kebanyakannya menjalankan kursus jangka panjang berorientasikan bidang kejuruteraan.

Dalam jangka waktu yang sama tahun 1964, dua buah iaitu Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL). Disusuli dengan penubuhan Institut Kemahiran Mara (IKM) Jasin pada tahun 1968 bagi menawarkan latihan kepada para belia pada waktu tersebut. Manakala dalam tahun 1969, Politeknik Ungku Omar (PUO) sebuah politeknik pertama negara dibuka dan menawarkan program latihan berasaskan PLTV/*TVET* (UPE, 2015a)

Kemudiannya dalam tahun 1979, di bawah Jawatankuasa Kabinet yang di Pengerusi oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu telah mewartakan *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (KPM, 2012) yang menyatakan juga FPK termasuk juga menilai semua sistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional peringkat nasional. Dan akhirnya, jawatankuasa tersebut membuat rumusan dan keputusan supaya pendidikan menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) wajar menyediakan aliran akademik dan vokasional (KPM, 1979).

Kemuncak pencapaian dalam sektor 'Latihan Kemahiran dan Vokasional' negara adalah apabila pembinaan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) sebuah institusi latihan tenaga pengajar berkompeteren dalam tahun 1983. Perkembangan sektor PLTV/*TVET* ini menjadi pemangkin kepada pembinaan banyak institusi lain seperti GiatMARA (Pekan) (1986), *German Malaysia Institute* (GMI) (1992) dan *Japan-Malaysia Technical Institute* (JM TI) (1998). Dan terdapat juga empat buah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) (1999) yang diwar-warkan untuk menyediakan laluan latihan (*learning pathway*) pelajar-pelajar institusi PLTV/*TVET* ke sektor 'Pengajian Tinggi' (UPE, 2015a).

Perkembangan ini telah berjaya merealisasikan pelaksanaannya di beberapa peringkat pendidikan dan latihan negara seperti di peringkat persekolahan, institusi latihan kemahiran awam dan swasta serta institusi pengajian tinggi (Hasnori, AA *et al.*, 2011). Oleh itu, dalam tahun 2013, senario pendidikan sektor PLTV di sekolah menengah mengalami perubahan besar apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah urus tadbir Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah melaksanakan transformasi pendidikan vokasional dengan menaik taraf 79 buah sekolah menengah vokasional kepada Kolej Vokasional (KV) dengan memperkenalkan integrasi kurikulum tahap persekolahan ('arus perdana') dan pendidikan *tertiari* di kolej tersebut menjelang tahun 2020 (Azman, MNA & Mustapha, R, 2014; Rahman, AA *et al.*, 2014).

Manakala dalam tahun 2005, JPK sekali lagi membuka langkah meningkat keupayaan pendidikan *tertiari* dalam sektor ini dengan penambahbaikan kaedah pembelajaran *hands-on* sedia ada iaitu memperkenalkan *National Dual Training System* (*NDTS*), sebuah model latihan kemahiran diadaptasi daripada Negara Jerman. Model yang kurikulumnya berorientasikan industri dengan skim *apprenticeship* (perantisan) gabungan kecekapan kemahiran teknikal, kemahiran sosial dan kemanusiaan (*teamwork*, kerjasama, komunikasi, penampilan, penyelesaian masalah, kemahiran rundingan, memikul tanggung jawab, nilai-nilai murni dan seumpamanya) di tempat kerja sebenar. Konsep *NDTS* adalah konsep mempersiapkan perantisan dengan pendedahan industri sehingga 70% - 80% waktu latihan tempat kerja sebenar. Manakala 20% - 30% perantisan menghadirkan diri di institusi-institusi latihan kemahiran bagi mengikuti kurikulum ditetapkan oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard*) atau lebih dikenali sebagai NOSS. Secara khususnya, konsep ini telah berjaya mempersiapkan tenaga kerja mahir berpengetahuan (*K-Workers*) dan bersedia untuk terus di terima oleh pihak industri (JPK, 2013; Azman, MNA & Mustapha, R, 2014; UPE, 2015a).

Keupayaan sektor PLTV melalui beberapa era dan turun naiknya menjadikannya matang dan seterusnya diberikan kepercayaan oleh masyarakat dengan harapan tinggi kepada sektor ini (Azman, MNA & Mustapha, R, 2014). Rasional ini memberikan impak *realiti* globalisasinya membawa kepada sebuah transformasi dengan hasrat meningkatkan keboleherjaan (*employability*) dan *mobiliti* tenaga kerja mahir seperti disebut dalam *Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)* (UPE, 2015a, 2015b). Darulsalam, G (2001) juga bersependapat sama dengan Langgulung, H (2001) yang menjelaskan bahawa pembangunan modal insan harus mempunyai kebergantungan hikmahnya di dalam kurikulum, isi kandungan, kaedah penyampaian, pengajar dan seterusnya

kaedah pentaksiran (*assessment*) yang bersifat *holistik*. Dan bertepatan sekali dengan FPK yang mengasaskan sistem pendidikan dan latihan dengan unsur-unsur Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (J.E.R.I) (Darulsalam, G, 2001; KPM, 2001; Azman, MNA & Mustapha, R, 2014).

### **Kesimpulan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan dasar pendidikan negara yang harus dirujuk dalam apa sahaja kepelbagaian sistem pembangunan pendidikan peringkat nasional. Falsafah yang membentuk sifat-sifat pembangunan menyeluruh bukan sahaja merangkumi persoalan-persoalan *intelektual* sahaja, malah menghubungkannya keharmonian aspek *spiritual* dan fizikal. Konsep ilmu dan amal yang berterusan sehingga dijiwai dan meresapi ke dalam pemikiran, kelakuan dan tindakan diri sendiri, sesama manusia dan alam sekeliling, bersesuaian dengan peranan manusia sebagai hambaNya. Seterusnya apa-apa tindakan fizikal oleh manusia akan merujuk kepada sifat-sifat kerohanian (agama).

Faktor pensejarahan perspektif Islam telah berjaya mendidik sifat kawalan diri yang berpusat di hati (*al-qalb*) dan tidak hanya berasas kepada akal (*'aql*) sahaja. Islam adalah model pensejarahan yang berjaya sebagai rujukan melahirkan pelajar-pelajar kaya pancaindera *ektrinsik* dan deria-deria *instrinsik* juga.

Kecemerlangan jiwa manusia dengan roh agama seperti *aqidah*, akhlak dan menepati *syarak* adalah kemestian dalam setiap sistem sebelum keupayaan, kebolehan dan kemahiran dizahirkan. Pembangunan modal insan tanpa nilai kerohanian dan moral dilihat sebagai kecelaruan yang dilihat sebagai pembangunan *material* sahaja. Malah kejayaan sebenar adalah membina manusia dengan kecemerlangan *spiritual*, *intelektual* mahupun *material* (fizikal). Pelaksanaan sektor Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) peringkat nasional berjaya melalui proses keberhasilannya. Pembangunannya disertai penambahbaikan menyediakan keseimbangan nilai bukan sahaja aspek *material* atau fizikal sahaja malah pengisian kerohanian dianggap sesuatu yang tepat demi merealisasikan latihan kemahiran dan vokasional yang lebih holistik.

## Rujukan

- al-Attas, S.M. Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. ISTAC, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought & Civilization (ISTAC).
- al-Attas, S.M. Naquib. (1980). *The Concept Of Education In Islam*. Paper presented at the The First World Conference on Muslim Education March 1977, Makkatul Mu'azzamah.
- al-Attas, S.M. Naquib. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. ISTAC, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought & Civilization (ISTAC).
- Al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mu'minin* (Semait, S. A., Trans. Al-Qasimi, S. M. J. Ed. PN 1978 ed.). Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al- Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam* (Langgulung, H., Trans.). Shah Alam, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Al-Utsaimin, Syaikh Muhammad bin Shalih. (2012). *Syarah Hadits Arba'in Imam Nawawi: Penjelasan 40 Hadits Inti Ajaran Islam* (Mujtahid, U., Trans. Qura, T. E. U. Ed.). Jakarta Timur: Ummul Qura.
- Athaillah, Syeikh Ahmad Ibn. (1999). *Hiasan Rohani Insan Mukmin Mutiara Hikmah al-Hikam*. Kuala Lumpur, Malaysia: al-Hidayah Publishers.
- Azman, Mohamed Nor Azhari, & Mustapha, Ramlee. (2014). *Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Pendekatan Penyelidikan, Analisis & Interpretasi*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Baba, Sidek. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Minda*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Basir, Siti Arni. (2004). Pembangunan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, Vol. 19(-), pp. 211 - 228.
- Darulsalam, Ghazali. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Daud, Mustafa. (1992). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Daud, Wan Mohd Nor Wan. (1990). Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun. *Jurnal Pendidikan Islam, UIA*, Vol. 3(Bil. 1).
- Daud, Wan Mohd Nor Wan. (2014). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas - Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Daud, Wan Ramli Wan. (1993). Sejarah Teknologi Melayu pada Zaman Islam. *Jurnal Sari*, Vol. 11, pp. 127 - 168.
- Hasmori, Akhmal Annas, Hamzah, Rohana, & Udin, Amimudin. (2011). Sistem Latihan Kemahiran Dua Hala Di Malaysia : Satu Perbandingan Dengan Negara Jerman. *Journal of Edupres*, Vol. 1, pp. 214 - 222.
- Ibn-Khaldun. (2001). *Mukaddimah* (Masturi Irham, L., Malik Supar, L. & Zuhri, A., Trans. Ridwan, M. N. Ed.). Jakarta Timur, Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.
- Ismail, Mat Rofa. (2016). *Bicarawara Sains Islam: Menerobos Kerdipan Sejarah & Falsafah sains yang Mengubah Dunia* (Rais, R. Ed.). Shah Alam: Grup Buku Karagkraf Sdn. Bhd.
- Ismail, Saharia. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8(No. 2), pp. 83-99.
- JPK. (2013). Fakta TVET: Keberkesanan SLDN. *Bulletin Skills Malaysia, Edisi 1*, p. 10.
- Kasan, Hasnan. (2008). Amalan Kerja dari Perspektif Syar'iyah. In Ibrahim, Y. & Awang, A. H. (Eds.), *Pembangunan Modal Insan - Isu dan Cabaran* (pp. 165). UKM, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- KPM. (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: KPM.



- KPM. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM.
- KPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- KPM. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya, Malaysia: KPM.
- Langgulong, Hasan. (2001). Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi. *Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9, Bil. 3*(Jun 2001).
- Leong, Pang Chau. (2010). *A Historical Account of Skills Training in Malaysia*. Putrajaya: Department of Skills Development, Kementerian Sumber Manusia.
- Minghat, Asnul Dahar, Yasin, Ruhizan M., Subari, Kamalularifin, & Noordin, Muhammad Khair. (2013). *Strategi Kelestarian Pembangunan Pendidikan Teknikal & Vokasional (PTV)*. Paper presented at the 2nd International Seminar on Quality & Affordable Education (ISQAE 2013), KSL Resort, Johor Bharu.
- MQA. (2011). *Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework)*. Kuala Lumpur: Malaysia Qualification Agency.
- Muammar, Khalif. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran dari Masa Lalu. *Jurnal Hadhari, Institut Islam Hadhari, UKM Bangi*(No. 2), pp. 15-31.
- Noor, Arba'iyah Mohd. (2011). Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun, Vol. 6*, pp. 29 - 50.
- Rahman, Azmanirah Ab, Hanafi, Nurfirdawati Muhamad, Mukhtar, Marina Ibrahim, & Ahmad, Jamil. (2014). Assessment Practices for Competency based Education and Training in Vocational College, Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, Vol. 112*, 1070-1076. doi: 10.1016/j.sbspro.2014.01.1271
- Rahman, Mohd Nazri Abdul. (2014). *Pembangunan Model Homeschooling Berasaskan Nilai dan Amalan Masyarakat Bagi Kanak-kanak Orang Asli*. (Doctorate (Ph.D)), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahman, Shafie Abdul. (2011). *25 Cendekiawan Islam* (Ali, A. N. Ed.). Kuala Lumpur: MustRead Sdn. Bhd.
- Sabiq, Sayed. (2013). *Akidah Islam (Menurut Al-Quran dan Hadis)* (Bhd., R. B. S. B. P. S. S., Trans.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Stapa, Zakaria, Yusuf, Noranizah, & Shaharudin, Abdul Fatah. (2012). Pendidikan Menurut al-Quran & Sunnah serta peranannya dalam Memperkasakan Tamdun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition, Vol. 7*(No.22).
- Suhid, Asmawati, & Fakhrudin, Fathiyah Mohd. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic & Arabic Education, Vol. 4*(No. 2), pp. 57-70.
- Tamuri, Ab. Halim, & Ajuhary, Mohamad Khairul Azman. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic & Arabic Education, Vol. 2*(No. 1), pp. 43-56.
- UNESCO. (2013). *Shanghai Update*. Paper presented at the Third International Congress on Technical & Vocational Education and Training, Shanghai, People's Republic of China.
- UNESCO. (2014). *EFA Global Monitoring Report 2013/4 - Teaching and Learning: Achieving Quality for All*. Paris, France.
- UPE. (2015a). *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) - Kertas Strategi 9: Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) untuk Memenuhi Permintaan Industri*. Putrajaya: UPE.
- UPE. (2015b). *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) - Kertas Strategi Ke-10: Mentransformasi Sistem Pendidikan*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Yasin, Raudlotul Firdaus Fatah, & Jani, Mohd Shah. (2013). Islamic Education: The Philosophy, Aims and Main Futures. *International Journal of Education & Research*, Vol. 1(No. 10), pp. 1-18.

Yieng, Yek Lang, & Hamzah, Rohana. (2012). Integrasi Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik & Vokasional Ke Arah Memantapkan Persiapan Kerjaya. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Vol. 5, pp. 35-40.

Penulis adalah pelajar Ph.D di *Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)*, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan bertugas sebagai Pengajar Senior di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dalam bidang *Skills Teaching Techniques* kepada bakal-bakal Tenaga Pengajar berkelayakan dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM); Email: [zul kifli@ciast.gov.my](mailto:zul kifli@ciast.gov.my)